



**JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN  
DAN KESIHATAN AM  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

**UNDANG UNDANG KECIL PELESENAN ANJING  
( MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM ) 2005**

LEKAT GAMBAR  
PEMOHON  
BERUKURAN  
PASPORT

**PERMOHONAN LESEN ANJING**

**No. Rujukan / No. Siri** : .....

**Resit Bayaran** : .....

**A. BUTIR – BUTIR PEMOHON**

Nama : .....

Alamat : .....

..... Poskod : .....

No. Kad Pengenalan : ..... Warna : .....

No. Telefon : (R/P) : ..... H/P : .....

**B. BUTIR – BUTIR ANJING**

Baka Anjing ( Breed ) : .....

Bilangan Anjing Yang Dipohon : ..... Jantina : ( \* Jantan / Betina )

Nama ( Jika Ada ) : .....

Warna : ..... Umur : .....

Berapa Lama Memelihara : ..... ( bulan ) ..... ( tahun )

No. Lesen Anjing Tahun Sebelumnya ( Jika Ada ) : .....

Alamat Tempat Anjing Disimpan : .....

..... Poskod : .....

**C. JENIS BANGUNAN TEMPAT PELIHARAAN :**

Teres : \* Tepi / Tengah

Rumah Berkembar

Banglo

Kilang

Lain – Lain (Sila Nyatakan) : .....

Luas Kawasan Luar Rumah : ..... Meter Persegi

**BORANG RM 1.00**

**PROSES RM 10.00**

**D. AKUAN PEMOHON :**

Saya mengaku bahawa keterangan yang diberikan adalah benar. Saya juga mengaku akan mematuhi segala syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi mendapatkan lesen anjing seperti yang dilampirkan bersama-sama borang permohonan ini. Sekiranya pihak tuan mendapati bahawa segala keterangan yang diberikan adalah palsu atau syarat-syarat yang dikenakan tidak dipatuhi tindakan pembatalan lesen dan penguatkuasaan boleh dikenakan ke atas saya mengikut peruntukan di bawah Undang Undang Kecil Pelesenan Anjing ( MDTM ) 2005.

.....  
( Tandatangan Pemohon )

Tarikh : .....

---

**E. PERAKUAN KESIHATAN ANJING PELIHARAAN**

Dengan ini, saya memperakui bahawa telah menjalankan pemeriksaan kesihatan terhadap anjing ini mengikut ketetapan seperti berikut :

1. Anjing ini \* **telah diberikan / tidak diberikan** suntikan vaksin bagi mencegah penyakit anjing gila "hydrophobia".
2. Anjing ini adalah \* **sihat dan selamat / tidak sihat dan tidak selamat** untuk dipelihara.
3. Saya mengesahkan bahawa baka anjing ini adalah : .....
4. Saya \* **menyokong / tidak menyokong** permohonan ini kerana :

.....  
.....

Tandatangan : ..... Tarikh : .....  
Nama :  
Jawatan :  
Cop Jabatan :

Perakuan ini hanya boleh diakui oleh Pegawai Veterinar Kerajaan atau Pegawai Veterinar yang bertauliah sahaja.

---

\* Potong yang mana tidak berkenaan.

## F. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LESEN

1. Setiap ekor anjing peliharaan berumur 3 bulan dan ke atas adalah diwajibkan untuk mendapatkan lesen.
2. Setiap ekor anjing adalah diwajibkan untuk mendapatkan suntikan vaksin dan pemeriksaan kesihatan daripada Pegawai Veterinar bertauliah dan mengemukakan bukti perakuan tersebut bagi setiap ekor anjing peliharaan.
3. Mendapatkan surat sokongan jiran bersebelahan lokasi tempat anjing dipelihara bagi kategori premis berikut :
  - 3.1. Rumah Kediaman Teres (Tepi/Tengah)
4. Pengecualian surat sokongan adalah ditetapkan bagi premis-premis berikut :
  - 4.1. Rumah Kediaman Semi-D/ Rumah Berkembar
  - 4.2. Banglo / Rumah Sesebuah
  - 4.3. Kilang / Lot Industri / Tanah Pertanian
5. Jumlah anjing peliharaan yang dibenarkan dalam satu-satu masa adalah seperti berikut :
  - 5.1. Luas kawasan kurang daripada 930 meter persegi adalah tidak melebihi 2 ekor sahaja.
  - 5.2. Bagi permohonan pemilikan lesen anjing yang melebihi 2 ekor, hanya luas kawasan melebihi 930 meter persegi sahaja yang boleh dipertimbangkan dengan kebenaran khas daripada Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim.
6. Larangan pemeliharaan anjing dari baka-baka berikut :
  - 6.1. *Akita*
  - 6.2. *American Bulldog*
  - 6.3. *Perro De Pastro Mallorquin*
  - 6.4. *Canary Dog*
  - 6.5. *Kai Dog*
  - 6.6. *Fila Brasileiro*
  - 6.7. *Russo-European Laika*
  - 6.8. *Tibetan Mastiff*
  - 6.9. *Dogo Argentino*
  - 6.10. *Tosa Isu / Japanese Tosa*
  - 6.11. *Owtcharka*
  - 6.12. *Neopolitan Mastiff*
  - 6.13. *Pit Bull Terrier / Pit Bull* (termasuk *American Pit Bull*, *American Pit Bull Terrier*, *Staffordshire Terrier* dan *Staffordshire Bull Terrier*)

7. Pelesenan baka anjing yang dikawal dan memerlukan kebenaran bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak adalah seperti berikut :
  - 7.1. *Dogue De Bordeaux*
  - 7.2. *Tervuren*
  - 7.3. *Rottweiler*
  - 7.4. *Miniature Malamute*
  - 7.5. *Groenendael*
  - 7.6. *Alaskan Malamute*
  - 7.7. *Rafeiro Alentejo*
  - 7.8. *Estrela Mountain Dog*
  - 7.9. *German Sheppard Dog*
  - 7.10. *Malinois*
  - 7.11. Lain-lain baka yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebagai baka anjing terkawal.
8. Pemeliharaan anjing di premis Rumah Pangsa, Pangsapuri, Kondominium, Rumah Kedai atau di tingkat atas mana-mana bangunan adalah dilarang.

#### **G. PANDUAN PERMOHONAN LESEN ANJING**

1. Mendapatkan borang permohonan lesen anjing di kaunter Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan Am atau muat turun melalui laman web [www.mdtm.gov.my](http://www.mdtm.gov.my) dan diisi dengan lengkap berserta dokumen-dokumen berikut :
  - 1.1. 1 salinan kad pengenalan pemilik
  - 1.2. 1 keping gambar pemilik berukuran passport
  - 1.3. Gambar lokasi tempat peliharaan berukuran 4R
  - 1.4. Pengesahan suntikan vaksin dan pemeriksaan kesihatan bagi setiap ekor anjing yang hendak dilesenkan oleh Pegawai Veterinar bertauliah.
  - 1.5. Surat sokongan jiran bagi lokasi peliharaan di premis kediaman teres (tepi/tengah)
  - 1.6. Surat kelulusan Jabatan Veterinar Negeri Perak bagi baka anjing terkawal.
  - 1.7. Gambar anjing peliharaan berukuran 4R bagi setiap ekor
2. Menjelaskan bayaran fi lesen anjing bagi setiap permohonan yang diluluskan mengikut kadar seperti berikut :
  - 2.1. Fi proses permohonan lesen anjing RM 11.00
  - 2.2. Fi tahunan lesen anjing RM 10.00 bagi setiap 1 ekor
  - 2.3. Fi penggantian lesen atau lencana yang hilang atau rosak RM 10.00

## **H. SYARAT-SYARAT DAN TANGGUNGJAWAB PEMILIKAN LESEN ANJING**

1. Pemilik anjing hendaklah memastikan anjing dan tempat tinggal anjing sentiasa disenggara dalam keadaan bersih dan memastikan najis, air kencing serta air cucian hendaklah dilupuskan dengan cara menyalurkan ke sistem pembentungan dan tidak mendatangkan kacau-ganggu atau pencemaran persekitaran premis kediaman.
2. Memastikan anjing peliharaan tidak mendatangkan kacau-ganggu bunyi bising dengan salakan yang tidak henti-henti dan berterusan.
3. Memastikan anjing peliharaan yang dibawa keluar sentiasa berada dalam kawalan sama ada diikat atau dirantai dan memastikan pendakap mulut anjing peliharaan dipakai.
4. Memastikan najis anjing diluar premis tempat peliharaan dikutip dan dimasukkan ke dalam beg kertas dan dilupuskan dengan cara yang sempurna.
5. Pemakaian kolar anjing yang bersesuaian bersama lencana lesen anjing pada setiap masa.
6. Tidak membenarkan anjing peliharaan dibawa ke tempat-tempat awam seperti taman atau padang permainan, padang bola, kompleks membeli-belah, rumah ibadat, pejabat awam kerajaan atau swasta dan di tempat pengangkutan awam.
7. Memastikan kesihatan dan keselamatan anjing terjamin dan tidak berlakunya penganinayaan terhadap anjing peliharaan.
8. Pemilik hendaklah bertanggungjawab termasuk ganti rugi sekiranya anjing yang dilesenkan mengejar, menyerang atau mengigit orang awam sama ada mendatangkan kecederaan atau tidak.
9. Pemilik lesen anjing hendaklah mematuhi syarat-syarat, garis panduan dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (MDTM) 2005 dari masa ke semasa.

## **I. TINDAKAN DAN PENGUATKUASAAN**

1. Mana-mana anjing yang didapati berkeliaran tanpa berikat (berlesen atau tidak berlesen) akan ditangkap sekiranya operasi sedang dijalankan tanpa sebarang notis amaran.
2. Mana-mana anjing yang didapati berkeliaran di tempat-tempat larangan dengan pengawasan atau tanpa pengawasan pemilik anjing sama ada berlesen atau tidak berlesen akan ditangkap dan boleh dikenakan tindakan kompaun.
3. Majlis boleh mengambil tindakan termasuk mengarahkan anjing berlesen ditangkap dan dilupuskan sekiranya mendapati anjing tersebut merbahaya dan tiada sebarang pampasan yang boleh dituntut.
4. Kegagalan mana-mana individu yang memelihara anjing mematuhi syarat-syarat, garis panduan dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (MDTM) 2005 adalah menjadi suatu kesalahan dibawah peruntukan 12, Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (MDTM) 2005 dan apabila disabitkan boleh dikenakan kompaun dan denda tidak melebihi RM 500.00 (Lima Ratus) atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Tanjong Malim  
Peti Surat 59  
**35900 TANJONG MALIM**

Tuan,

**SOKONGAN JIRAN DI PREMIS KEDIAMAN TERES LOT TEPI ATAU TENGAH BAGI  
PERMOHONAN MENDAPATKAN LESEN ANJING PELIHARAAN**

Saya / Kami seperti penama di bawah ini dengan ini bersetuju untuk memberikan kebenaran kepada pemilik anjing seperti yang tertera untuk membuat permohonan lesen selaras dengan keperluan syarat-syarat, garis panduan dan Undang Undang Kecil Pelesenan Anjing (MDTM) 2005.

Butiran pemilik anjing adalah seperti berikut :

Nama Pemilik Anjing : .....

No. Kad Pengenalan : ..... Bilangan Anjing : .....

Alamat Tempat Peliharaan : .....

..... Poskod .....

---

Maklumat jiran bersebelahan lokasi tempat peliharaan adalah seperti berikut :

Nama Jiran 1 : .....

No. Kad Pengenalan : ..... No. Telefon : .....

Alamat Kediaman : .....

..... Poskod .....

..... Tarikh : .....

( Tandatangan )

Nama Jiran 2 : .....

No. Kad Pengenalan : ..... No. Telefon : .....

Alamat Kediaman : .....

..... Poskod .....

..... Tarikh : .....

( Tandatangan )



**JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN AM  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

**SENARAI SEMAK KEPERLUAN LESEN ANJING**

<b>Bil.</b>	<b>Senarai Semak</b>	<b>Tanda</b>	<b>Catatan</b>
1.	1 salinan kad pengenalan pemilik	<input type="checkbox"/>	
2.	1 keping gambar berukuran passport pemilik	<input type="checkbox"/>	
3.	Gambar lokasi tempat peliharaan berukuran 4R	<input type="checkbox"/>	
4.	Pengesahan suntikan vaksin dan pemeriksaan kesihatan bagi setiap ekor anjing yang hendak dilesenkan oleh Pegawai Veterinar bertauliah	<input type="checkbox"/>	
5.	Surat sokongan jiran bagi lokasi peliharaan di premis kediaman teres lot tengah/tepi	<input type="checkbox"/>	
6.	Surat kelulusan Jabatan Veterinar Negeri Perak bagi baka anjing terkawal.	<input type="checkbox"/>	
7.	Gambar anjing peliharaan berukuran 4R bagi setiap ekor	<input type="checkbox"/>	

Tandatangan Pegawai  
Yang Menerima

: .....

Tarikh

: .....